



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN TRENDS IN
SOCIAL SCIENCES
(IJMTSS)
www.ijmtss.com



AMALAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNTUK
JUVANA DI SEKOLAH PEMULIHAN

TEACHING AND LEARNING PRACTICE FOR JUVENILE IN REHABILITATION
SCHOOL

Fathin Nuratilia Izzaty Mohd Tarmizi^{1*}, Noor Insyiraah Abu Bakar²

¹ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: atiliatarmizi@gmail.com

² Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: insyirah@fpm.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.02.2024

Revised date: 15.02.2024

Accepted date: 21.03.2024

Published date: 27.03.2024

To cite this document:

Tarmizi, F. N. I. M., & Abu Bakar, N. I. (2024). Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Untuk Juvana Di Sekolah Pemulihan. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 7 (26), 38-46.

DOI: 10.35631/IJMTSS.726004

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Seperti yang termaktub dalam Dasar Kanak-Kanak Negara, semua kanak-kanak diwajibkan untuk mendapatkan pendidikan yang sewajarnya. Kenyataan ini juga merangkumi golongan juvana kerana mereka masih dikategorikan sebagai kanak-kanak. Namun begitu, tidak mudah untuk menyampaikan ilmu kepada golongan kanak-kanak delinkuen ini. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan meneroka amalan pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian buat juvana berpandukan objektif untuk meneroka bagaimana pengajaran dilaksanakan oleh guru kepada golongan ini. Secara spesifiknya, kajian ini berlangsung di tiga zon sekolah pemulihan Tunas Bakti yang berbeza. Bagi menjalankan objektif ini, pendekatan kualitatif, iaitu reka bentuk Constructivist Grounded Theory (CGT) telah digunakan sepanjang kajian dijalankan. Melalui pensampelan bertujuan, seramai 23 orang responden yang merangkumi 18 orang guru, tiga orang pentadbir dan lima orang pakar pendidikan telah dipilih. Tiga kaedah pengumpulan data, iaitu temu bual secara mendalam, pemerhatian di lapangan dan analisis dokumen juga telah digunakan dalam kajian ini. Seterusnya, analisis data secara tematik diketengahkan bagi menjawab objektif kajian. Dapatan mendapati bahawa terdapat tiga pendekatan yang telah digunakan oleh guru untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran berkesan berlaku dalam kalangan juvana. Antaranya ialah pembelajaran secara berulang, pelaksanaan aktiviti permainan dan tayangan video. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga pendekatan ini mampu memberikan kesan positif terhadap objektif kajian dan implikasinya. Turut diharapkan, kajian ini dapat memberikan sumbangan kepada penambahbaikan dalam amalan pengajaran dan pembelajaran untuk juvana di sekolah pemulihan.

Kata Kunci:

Pendidikan Juvana, Constructivist Grounded Theory, Sekolah Pemulihan, Cara Pengajaran Guru

Abstract:

As stipulated in the National Children Policy, all children are required to get a proper education, a statement which includes juveniles. However, it is not easy to impart knowledge to this group of delinquent children. Therefore, this study will explore what teaching and learning practices that are appropriate for juveniles based on the objective to explore how teaching is implemented by teachers for juveniles. Specifically, this study took place in three different Tunas Bakti rehabilitation school zones. In order to carry out this objective, a qualitative approach which is the Constructivist Grounded Theory (CGT) design was used throughout this study. Through purposive sampling, a total of 23 respondents including 18 teachers, 3 administrators and 5 education experts were selected. Three methods of data collection namely in-depth interviews, field observations and document analysis have also been used in this study. Next, thematic data analysis is highlighted to answer the research objectives. Findings found that there are three approaches that have been used by teachers to ensure effective teaching and learning takes place among juveniles, namely repetitive learning, the implementation of game activities and video screenings. Overall, these three approaches are able to have a positive impact on the objectives of the study and its implications, it is hoped that this study can contribute to improvements in teaching and learning practices for juveniles in rehabilitation schools.

Keywords:

Juvenile Education, Constructivist Grounded Theory, Rehabilitation School, Teachers' Teaching Method

Pendahuluan

Pendidikan ialah satu proses untuk mendapatkan ilmu dengan melibatkan interaksi dua hala antara guru dengan murid. Seperti yang dinyatakan oleh Abu Bakar (2021) dan Mohd Yusoff dan Tahir (2019), kanak-kanak merupakan pelapis yang bakal memimpin negara satu masa kelak. Statistik yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021) menunjukkan bahawa dianggarkan seramai 9.13 juta penduduk di Malaysia terdiri daripada kanak-kanak dan kelompok ini menjadi kelompok kumpulan kedua terbesar di Malaysia. Namun begitu, tidak semua kanak-kanak mempunyai nasib yang sama, yakni menurut laporan daripada Brahim dan Mohamad (2021), kes delinkuensi dalam kalangan kanak-kanak menunjukkan peningkatan yang sangat ketara daripada 4607 kes kepada 5443 kes pada tahun 2017 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021).

Apabila kanak-kanak melakukan delinkuensi, mereka akan digelar sebagai juvana. Pengkaji sosiologi mentakrifkan delinkuensi sebagai tingkah laku atau perlakuan yang bukan sahaja melanggar norma-norma serta nilai-nilai masyarakat, bahkan melanggar undang-undang negara (Clinard & Meier, 2011; Pires & Almeida, 2023) yang dilakukan oleh mereka berusia di bawah umur 18 tahun (Abu Bakar, 2021). Disebabkan mereka telah melakukan delinkuensi dan masih di bawah umur 18 tahun, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah

dipertanggungjawabkan untuk memulihkan juvana sekali gus memberikan pendidikan yang sewajarnya kepada kumpulan ini (Nooraini, Mohammad, & Azman, 2021).

Namun begitu, proses untuk menyampaikan ilmu kepada juvana bukanlah sesuatu yang mudah kerana majoriti daripada mereka terdiri daripada kumpulan yang tercicir daripada alam persekolahan ataupun tidak bersekolah (Coker, 2021; Juhary, Syed Mohamed, & Bakar, 2022). Selain itu, tahap literasi 3M, iaitu membaca, menulis dan mengira mereka juga berada pada tahap yang rendah dan lemah (Hassan & Rosly, 2021). Keadaan ini menyukarkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku dalam kalangan juvana.

Disebabkan terdapat permasalahan untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran bagi juvana, maka Farid (2021) menegaskan bahawa sudah tiba masanya untuk institusi pemulihan juvana memperbetul cara pengajaran dan pembelajaran buat golongan ini. Melalui kenyataan ini, maka terdapat keperluan untuk pengkaji mengkaji amalan pengajaran dan pembelajaran untuk juvana di sekolah pemulihan.

Dengan itu, untuk menjalankan kajian ini, pengkaji telah menetapkan satu objektif, iaitu untuk meneroka bagaimana pengajaran dilaksanakan oleh guru untuk juvana. Objektif ini dirancang berpandukan persoalan bagaimanakah pengajaran dilaksanakan oleh guru untuk juvana. Hasil analisis data telah menunjukkan bahawa terdapat tiga pendekatan yang digunakan oleh guru dalam sesi pengajaran mereka kepada juvana

Tinjauan Literatur

Apabila kajian menggunakan reka bentuk Constructivist Grounded Theory (CGT), maka seperti yang dinyatakan sendiri oleh pengasasnya Charmaz (2006, 2014), adalah lebih baik untuk pengkaji menanggungkan pembacaan literatur yang mendalam. Hal ini dikatakan demikian kerana langkah tersebut dikhuatiri akan mengganggu hasil dapatan kelak. Oleh hal yang demikian, bagi bahagian tinjauan literatur, pengkaji hanya membuat bacaan umum terhadap isu-isu yang menyumbang kepada skop kajian, iaitu tentang Dasar Kanak-Kanak Negara, masalah pembelajaran juvana serta sekolah pemulihan untuk golongan ini.

Dasar Kanak-Kanak Negara ialah dasar yang hanya memfokuskan kanak-kanak yang berkaitan dengan hak kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016). Secara amnya, dasar ini bertujuan melahirkan individu kanak-kanak yang sihat, cergas, berilmu, inovatif, kreatif, berjati diri, berdaya saing serta progresif. Kesemua ini adalah sepertimana yang dinyatakan pada laman sesawang JKM (2016) dan Abu Bakar (2021).

Terdapat enam objektif yang telah dinyatakan dalam Dasar Kanak-Kanak Negara Abu Bakar (2021) dan kajian ini akan memfokuskan objektif ketiga dasar, iaitu setiap individu kanak-kanak mempunyai hak untuk perkembangan holistik. Dengan memfokuskan objektif ketiga dasar, maka salah satu cara untuk kanak-kanak mendapatkan perkembangan yang holistik adalah menerusi pendidikan buat mereka.

Secara asasnya, terdapat tiga jenis institusi pemulihan untuk kanak-kanak yang telah melanggar undang-undang negara serta norma-norma masyarakat (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2021), iaitu Sekolah Tunas Bakti (STB), Asrama Akhlak (AA) dan Taman Sri Puteri (TSP). Penempatan juvana dilaksanakan berdasarkan keputusan mahkamah, iaitu bergantung pada kesalahan yang telah dilakukan (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2021). Melalui konteks kajian

ini, STB telah menjadi pilihan pengkaji kerana merupakan institusi pemulihan juvana KPWKM dan diselia oleh JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2021).

Seperti yang dinyatakan di atas, antara faktor sukarnya untuk menyampaikan ilmu buat juvana ialah keciciran juvana itu sendiri dalam alam persekolahan ataupun tidak bersekolah (Coker, 2021; Juhary et al., 2022) serta tahap penguasaan 3M yang lemah (Hassan & Rosly, 2021). Namun begitu, disebabkan oleh semua kanak-kanak termasuklah juvana diwajibkan untuk mendapatkan perkembangan yang holistik, maka kajian akan mendedahkan dan menerangkan cara pengajaran dilaksanakan oleh guru untuk kumpulan juvana ini.

Oleh hal yang demikian, melalui kenyataan di atas, jelas bahawa terdapat keperluan untuk menjalankan kajian ini. Hal ini bertujuan supaya amalan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan boleh berlaku dalam kalangan juvana sekali gus dapat memperbaiki aspek pengajaran dan pembelajaran mereka seiring dengan yang termaktub dalam Dasar Kanak-Kanak Negara.

Metodologi

Untuk menjawab persoalan kajian, maka kajian ini telah menggunakan sepenuhnya pendekatan kualitatif dengan reka bentuk CGT yang menjadi pilihan. Menurut pengasas CGT sendiri, iaitu Charmaz (2006, 2014), CGT ialah reka bentuk kajian yang berpandukan idea pengkaji sendiri tentang perkara yang bakal dikaji. Hal ini bertentangan dengan teori-teori lain kerana kajian seharusnya berpandukan atau berlandaskan teori yang sedia ada. Oleh hal yang demikian, penggunaan CGT dirasakan yang terbaik untuk kajian ini kerana bermatlamatkan untuk meneroka perspektif baharu, iaitu mengkaji amalan pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian buat juvana.

Bagi pemilihan lokasi pula, STB telah menjadi lokasi utama bagi kajian ini. Jabatan yang menyelia STB ialah JKM, yakni STB merupakan sekolah yang dikhaskan untuk memberikan perlindungan dan penjagaan kepada kanak-kanak yang telah melibatkan diri dalam delinkuensi (Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang, 2023). Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini, tiga buah STB dari tiga zon yang berbeza telah dipilih menjadi sebahagian daripada kajian. Justifikasi pemilihan tiga buah STB di tiga zon yang berbeza ialah perbezaan lokasi yang terletak di zon utara, zon selatan dan zon tengah. Tambahan pula, ketiga-tiga STB ini perbezaan penempatan jantina juvana menjadikan kebarangkalian untuk mendapatkan data yang lebih terperinci dan mendalam adalah tinggi.

Seterusnya, seramai 23 responden telah melibatkan diri dalam kajian ini berdasarkan pemilihan pensampelan secara bertujuan. Kesemua responden telah dibahagikan kepada tiga kumpulan fokus, iaitu 15 responden ialah tenaga pengajar di STB yang terdiri daripada guru-guru yang mengajar di bengkel kemahiran mahupun kelas akademik. Tiga responden ialah para pentadbir di setiap STB yang dipilih, manakala lima responden merupakan pakar pendidikan di institusi pendidikan tinggi Malaysia. Justifikasi pemilihan pensampelan bertujuan berdasarkan Creswell (2014), Creswell dan Poth (2018) dan Chua (2021) disebabkan oleh jawapan yang bakal diperoleh daripada setiap responden yang lebih terperinci berdasarkan skop kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji telah menetapkan kriteria-kriteria yang diinginkan bagi setiap kumpulan responden.

Tambahan lagi, antara kriteria yang ditetapkan ialah setiap individu kumpulan fokus haruslah mempunyai pengalaman dalam bidang yang diceburi sekurang-kurangnya lima tahun dan ke atas. Di samping itu, selain pemilihan responden berdasarkan kriteria pengalaman mereka

dalam dunia juvana, ciri-ciri asas juga amat dititikberatkan oleh pengkaji. Antara ciri-ciri asas ialah responden terdiri daripada pelbagai etnik dan jantina serta mampu memahami dan bertutur dalam bahasa Melayu.

Selain itu, prosedur pengumpulan data juga amat penting dalam sesebuah kajian. Hal ini bertambah penting jika kajian tersebut menggunakan reka bentuk teori CGT kerana data-data daripada responden akan diekstrak untuk dijadikan sebagai idea baru (Birks & Mills, 2023). Dalam kajian jenis kualitatif, Creswell (2014), Chua (2021) dan Jasmi (2012) menyatakan bahawa jika menggunakan pendekatan kualitatif dalam sesebuah kajian, terdapat tiga jenis kaedah pengumpulan data yang sering digunakan. Kaedah yang dimaksudkan ialah temu bual separa berstruktur, pemerhatian di lapangan dan analisis dokumen. Melalui konteks kajian ini, pengkaji telah menggunakan ketiga-tiga kaedah kajian yang dinyatakan. Namun begitu, disebabkan data-data daripada sumber-sumber dokumen STB adalah sulit, maka pengkaji hanya dapat melakukan pembacaan umum bagi dokumen-dokumen di STB.

Untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian, kaedah triangulasi telah diguna pakai sebagaimana yang telah disarankan oleh Creswell (2014), Chua (2021) dan Flick (2018).

Dapatan Kajian

Setelah kesemua data daripada ketiga-tiga kaedah pengumpulan data telah dianalisis, hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat tiga tema utama yang menyumbang kepada objektif kajian. Antara dapatannya ialah pengajaran secara berulang, pelaksanaan aktiviti permainan dan tayangan video.

Bagi dapatan pengajaran secara berulang, hasil analisis data daripada temu bual bersama dengan guru-guru STB menunjukkan bahawa majoriti guru lebih memfokuskan kaedah pengajaran secara berulang kepada juvana. Hal ini dinyatakan oleh G6 seperti petikan di bawah, yakni pengulangan pengajaran akan dilakukan melebihi tiga kali bagi setiap topik pembelajaran.

Kita bukan ulang sekali dua, tapi perlu lebih daripada tiga kali (G6, Para 20).

Seperti yang dinyatakan, juvana ini ialah kumpulan yang lemah dalam pelajaran. Hal ini turut diperakui oleh guru di STB B apabila beliau menyatakan bahawa beliau akan berulang-ulang kali mengajar anak didiknya kerana mereka agak lemah dalam pembelajaran.

.... yang lemah itu kita kena buat berulang-ulang kali benda yang sama (G12, para 12)

Dapatan daripada pemerhatian di lapangan juga menunjukkan bahawa bukan sahaja di bengkel kemahiran pengajaran secara berulang ini berlaku. Malah, sesi pembelajaran dan pengajaran di kelas-kelas akademik juga menunjukkan guru mengulangi topik pembelajaran sehingga juvana memahaminya.

Sememangnya jika terdapat juvana tidak dapat menjawab, ustazah dilihat mengulangi semula informasi sehingga mereka faham. (NL4)

Seterusnya, tema kedua yang diperoleh ialah pelaksanaan aktiviti permainan. Kebanyakan guru kelas akademik mahupun bengkel berkongsi bahawa mereka gemar untuk menggunakan

pendekatan pelaksanaan aktiviti permainan ketika mengajar. Petikan temu bual yang telah dikongsi oleh para guru adalah seperti di bawah.

..... saya lebih kepada belajar sambil bermain... (G4, para 16)

..... kadang saya buat kuiz, kadang *spelling test*... (G5, para 30)

Dapatan yang terakhir yang diperolehi daripada objektif untuk meneroka bagaimana pengajaran dilaksanakan oleh guru untuk juvana adalah dengan tayangan video. Seorang guru dari STB A dan STB B menyatakan bahawa beliau akan menarik minat juvana untuk belajar melalui aktiviti tayangan video.

... kita cuba tarik minat budak tu, saya tunjuk video (G10, para 84)

Kita tunjukkan video-video yang berkaitan untuk tarik minatlah...

(G12, para 14)

Antara contoh tayangan video yang dimaksudkan oleh guru-guru ialah pembelajaran menggunakan aplikasi YouTube.

... kita juga akan tunjuk dan buka YouTube dan dia akan faham (G13, para 24)

Pada bahagian dapatan kajian ini, pengkaji hanya memaparkan data temu bual dan pemerhatian yang menjawab objektif serta persoalan kajian.

Perbincangan

Berdasarkan Akta Kanak-Kanak 2001 (AKK 2001), telah ditetapkan bahawa kanak-kanak perlu diberikan perlindungan dan penjagaan yang sewajarnya. Kenyataan ini merangkumi kanak-kanak yang telah melakukan kesalahan jenayah seperti yang dinyatakan dalam Bab 2 bahagian IX sehingga bahagian X Akta Kanak-Kanak 2001. Seperti yang dinyatakan oleh Abdul Wahab, Md Abdul Salam dan Dahalan (2021), setiap kanak-kanak haruslah dilindungi dan diberikan layanan yang adil walaupun pada ketika itu mereka telah didapati melakukan kesalahan jenayah.

Menurut Oluwatoyin (2022), tanpa adanya pendidikan buat juvana, berkemungkinan perubahan dalam diri mereka adalah kurang. Namun, apabila juvana dibekalkan dengan pendidikan yang sewajarnya dalam tempoh tahanan, reformasi dalam diri mereka akan kelihatan dengan lebih baik kerana pendidikan merupakan kayu ukur yang akan membentuk watak dan sikap individu terutamanya kanak-kanak.

Oleh hal yang demikian, bagi menjawab persoalan kajian, iaitu bagaimanakah pengajaran dilaksanakan oleh guru buat juvana, hasil dapatan telah mengenal pasti tiga pendekatan yang menjerumus kepada objektif kajian, yakni pengajaran secara berulang, pelaksanaan aktiviti permainan dan tayangan video. Berdasarkan kajian oleh Nagamuthu, Samah, Jaffri dan Tahir (2019), juvana dikatakan mempunyai masalah dalam pembelajaran kerana mereka sukar untuk memberikan fokus. Oleh itu, menjadi tanggungjawab guru-guru di sekolah pemulihan untuk menggalakkan mereka belajar dengan menggunakan pelbagai pendekatan pembelajaran.

Bagi pendekatan yang pertama, iaitu pengajaran secara berulang, menurut Yusuf, Tahar dan Nashoha (2018), dengan mengamalkannya, hal ini boleh mengurangkan kesilapan yang dilakukan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran berlaku. Hasil kajian daripada Mustaffa, Hussin dan Sulaiman (2021) pula menyatakan bahawa pengajaran secara berulang

haruslah berlaku di dalam bilik darjah supaya isi kandungan pembelajaran mudah difahami. Menurut kajian yang sama, tahap penguasaan setiap murid di dalam bilik darjah yang sama adalah berbeza. Oleh itu, adalah lebih baik jika pendekatan secara berulang digunakan oleh guru-guru ketika menyampaikan pengajaran. Dalam erti kata lain, pembelajaran secara berulang amatlah membantu murid sedemikian. Walaupun pengkaji-pengkaji sebelum ini menyatakan bahawa pendekatan pengajaran berulang adalah yang terbaik untuk murid sekolah biasa, namun kenyataan ini juga boleh diguna pakai bagi pelajar juvana kerana mereka juga merupakan pelajar sekolah. Yang membezakan hanyalah penempatan sekolah mereka.

Seterusnya, aktiviti permainan ketika belajar ialah salah satu pendekatan yang ditekankan dalam pembelajaran di dalam bilik darjah kerana menjadi pendekatan yang rapi serta berstruktur untuk para pelajar (Chew & Ismail, 2020). Menurut Ahmad, Looi, Wahid dan Yusof (2019), untuk melahirkan pelajar yang kreatif, berinovatif serta berdaya saing, proses pengajaran perlulah berpandukan kemahiran pembelajaran pada abad ini. Pembelajaran aktiviti permainan ataupun lebih dikenali sebagai pembelajaran aktif mampu untuk menghidupkan suasana pembelajaran dalam kalangan murid dan guru (Min & Maat, 2022). Sungguhpun pelajar juvana ialah golongan yang lemah dalam penguasaan pembelajaran mereka, namun dengan menggunakan pendekatan ini, guru mampu menghidupkan suasana pembelajaran sekali gus perasaan seronok ketika belajar akan tercetus. Hal ini juga dipersetujui oleh Janius et al. (2023) kerana aktiviti permainan ketika belajar mampu meningkatkan daya kreatif dan secara tidak langsung dapat memupuk imaginasi serta rasa ingin tahu kanak-kanak.

Cara pengajaran terakhir yang dikenal pasti ialah tayangan video. Berdasarkan pelbagai bacaan, pelbagai kaedah pengajaran secara visual telah diguna pakai dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Zulkipli, Mohamad dan Surat (2019), pembelajaran secara visual ialah cara paling umum dan meluas yang digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Kenyataan ini turut dipersetujui oleh Mahadi, Husin dan Md Hassan (2022) bahawa pembelajaran secara bergambar, iaitu visual merupakan pendekatan pengajaran yang paling berkesan antara pendekatan-pendekatan gaya pembelajaran yang lain. Halil dan Mahmud (2022) juga mendefinisikan pembelajaran secara visual dapat meningkatkan tahap pemahaman dan pemikiran pelajar sekali gus dapat memberikan motivasi kepada mereka untuk memahami pembelajaran dengan lebih mudah. Oleh hal yang demikian, tidak dapat disangkal lagi penggunaan pendekatan belajar secara visual sebagai pendekatan yang terbaik yang boleh dipraktikkan oleh guru-guru kepada juvana. Walaupun tiada kajian yang menyatakan bahawa gaya pengajaran ini adalah yang terbaik buat golongan tersebut, namun juvana juga merupakan pelajar biasa sama seperti responden-responden daripada kajian-kajian lepas.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kepastian agar juvana mendapatkan pendidikan yang selayaknya seperti kanak-kanak lain merupakan sebahagian daripada fokus kajian ini. Seperti yang dinyatakan pada persoalan kajian, hasil dapatan telah menemukan tiga pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru-guru untuk mengajar juvana. Ketiga-tiga pendekatan ini sememangnya kelihatan berkesan dalam membantu juvana untuk mendapatkan ilmu. Dalam konteks kajian ini, pendekatan pengajaran secara berulang, pelaksanaan aktiviti permainan dan tayangan video mampu untuk memupuk semangat ingin belajar dalam diri juvana.

Di Malaysia, kajian tentang cara pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian untuk juvana masih lagi berada pada tahap yang lemah tidak seperti negara-negara lain yang memandang pendidikan buat juvana adalah penting. Oleh itu, dengan adanya kajian yang memfokuskan

pengajaran dan pembelajaran juvana, diharapkan dapat diguna pakai secara meluas di seluruh institusi-institusi pemulihan di Malaysia.

Selain kajian ini dapat memberikan manfaat kepada institusi-institusi tersebut, kajian ini juga diharapkan dapat membantu para guru mahupun bakal-bakal guru yang akan mengajar golongan ini. Seperti yang dinyatakan di atas, tidak mudah untuk menyampaikan ilmu buat golongan yang telah lama ketinggalan dalam pelajaran ataupun tidak pernah bersekolah. Sehubungan dengan itu, diharapkan menerusi pendekatan-pendekatan yang diketengahkan, guru-guru dapat dibantu dalam menyampaikan ilmu kepada kumpulan juvana ini. Sebagai cadangan kajian lanjutan, pengkaji mencadangkan untuk mengkaji tahap keberkesanan ketiga-tiga pendekatan yang telah ditemui dalam kajian ini.

Acknowledgement

The authors would like to acknowledge Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak, Malaysia, who granted the Publication Grant Scheme for this project.

References

- Abdul Wahab, N., Md Abdul Salam, N. Z., & Dahalan, H. M. (2021). The position and the roles of the advisor of the court for children in the juvenile justice system in Malaysia: Issues and challenges. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(24), 84–103.
- Abu Bakar, N. I. (2021). *Resolisasi juvana di institusi pemulihan jabatan kebajikan masyarakat*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad, N. L., Looi, S. S., Wahid, H. A., & Yusof, R. (2019). Kepentingan amalan pengajaran dan pembelajaran abad 21 terhadap pembangunan pelajar. *Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(28), 28–51.
- Birks, M., & Mills, J. (2023). *Grounded theory: A practical guide*. Sage.
- Brahim, S., & Mohamad, M. S. (2021). *Pengurusan kes kanak-kanak di Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Charmaz, K. (2006). *Constructing grounded theory* (1st ed.). SAGE Publication.
- Charmaz, K. (2014). *Constructing grounded theory* (2nd ed.). SAGE Publication.
- Chew, F. P., & Ismail, M. F. (2020). Pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid prasekolah: The implementation of play approach in teaching and learning of Malay language for preschool students. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9(1), 14–25.
- Chua, Y. P. (2021). *Kaedah penyelidikan buku 1* (4th ed.). McGraw-Hill.
- Clinard, M. B., & Meier, R. F. (2011). *Sociology of deviant behavior* (14th ed.). Wadsworth Cengage Learning.
- Coker, D. C. (2021). Noncognitive factors affecting academic achievement of juvenile delinquents. *International Journal for Innovation Education and Research*, 9(3), 341–368.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Sage.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. Sage Publications.
- Farid, D. (2021). The diversion of the crime committed by the child. *Academia Letters*, 1–13.
- Flick, U. (2018). *Doing triangulation and mixed methods*. SAGE Publications Ltd.

- Halil, I., & Mahmud, M. S. (2022). Penggunaan kaedah visualisasi terhadap pencapaian Matematik pelajar: Sorotan literatur bersistematik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(10), 1–13.
- Hassan, N., & Rosly, M. A. A. (2021). Vocational education and training for young offenders in juvenile approved schools. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 10(1), 642–650.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2016). Dasar kanak-kanak negara.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2021). Sekolah Tunas Bakti.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang. (2023). Sekolah Tunas Bakti Teluk Ayer Tawar.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Kenyataan media statistik kanak-kanak, Malaysia, 2021*.
- Janius, N., Ishar, M. I. M., Yusof, Y., Bang, P., Sid, R., & Wong, G. (2023). Belajar sambil bermain di dalam kelas pada peringkat pendidikan awal kanak-kanak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(4), 1–15.
- Jasmi, K. A. (2012). Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1*, 61–82.
- Juhary, J., Syed Mohamed, A. T. F., & Bakar, E. W. (2022). Educating delinquent youths: A qualitative approach to understand the Malaysian story. *F1000Research*, 11, 1–14.
- Mahadi, F., Husin, M. R., & Md Hassan, N. (2022). Gaya pembelajaran: Visual, auditori atau kinestetik. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 4(1), 29–36.
- Min, T. L. L., & Maat, S. M. B. (2022). Penerimaan murid terhadap pembelajaran berasaskan permainan dalam Matematik: Tinjauan literatur bersistematik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(12), 1–16.
- Mohd Yusoff, J. Z., & Tahir, Z. (2019). Akta kanak-kanak 2001: penguatkuasaan semula tugas dan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga? *Journal of Malaysian and Comparative Law*, 32(1), 129–150.
- Mustaffa, Z., Hussin, Z., & Sulaiman, A. M. (2021). Pedagogi terbeza untuk pengajaran guru terhadap kepelbagaian murid. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(9), 202–214.
- Nagamuthu, V., Samah, N. A., Jaffri, H., & Tahir, L. M. (2019). Juvenile delinquents' learning experiences in school within prison: Narratives from the Malaysian context. *Universal Journal of Educational Research*, 7(12A), 109–120.
- Nooraini, I., Mohammad, T., & Azman, A. (2021). Sistem keadilan juvana di Malaysia: Empat prospek penambahbaikan. *Journal of Malaysia Studies*, 1–40.
- Oluwatoyin, F. C. (2022). Educational programmes, rehabilitation and management of juvenile delinquents in Lagos State Juvenile Homes, Nigeria. *Indonesian Journal of Primary Education*, 6(1), 95–105.
- Pires, A. R., & Almeida, T. C. (2023). Risk factors of poly-victimization and the impact on delinquency in youth: A systematic review. *Crime and Delinquency*, 00(0), 1–19.
- Yusuf, Y., Tahar, M. M. bin, & Nashoha, M. H. bin M. (2018). Keberkesanan intervensi membaca secara berulang bersama rakan pembaca terhadap kefasihan membaca murid bermasalah pembelajaran. *Jurnal Ortopedagogia*, 4(1), 52–58.
- Zulkipli, N. Z. M., Mohamad, W. M. R. W., & Surat, S. (2019). Pengaplikasian gaya pembelajaran VAK bagi pembelajaran budaya Melayu dalam kalangan pelajar di TUMS, Jepun. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 112–142.